



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGERI MELAKA KEPADA
KETUA KONTINJEN
SEMPENA SUKAN MALAYSIA KE-20, MSN 2022
TARIKH: 3 SEPTEMBER 2022 (SABTU), JAM: 10.00 PAGI
DI AUDITORIUM, MASJID AL AZIM, MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

**YB Tuan P. Shanmugam A/L V. Pitchay,
Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan
Kerajaan (NGO);**

**YB Ahli-ahli Exco Negeri selaku Bapa Angkat bagi
SUKMA Ke-20, Majlis Sukan Negara 2022;**

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

**YBrs. Encik Mahathir bin Mustafa,
Pengarah Majlis Sukan Negeri;**

Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan;

**Seterusnya, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan
yang saya hormati sekalian,**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Penyerahan

Bendera kepada Ketua Kontinjen sempena Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20, Majlis Sukan Negara 2022 dengan atlet Negeri Melaka yang akan berjuang di temasya sukan terbesar peringkat kebangsaan, yang akan berlangsung bermula 16 hingga 24 September 2022 di Kuala Lumpur.

2. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urus setia, Majlis Sukan Negeri Melaka kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis penyerahan ini.

3. Sesungguhnya, kehadiran kita semua pada pagi ini amat bermakna kerana ia menjadi bukti komitmen serta aku janji di antara atlet, jurulatih mahupun pegawai pasukan untuk memberikan yang terbaik dalam acara masing-masing, sekali gus mengharumkan nama Negeri Melaka nanti.

4. Saya amat yakin dan percaya, kegigihan dan usaha keras yang ditonjolkan oleh para atlet Melaka merupakan salah satu faktor yang mampu menjulang kejayaan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Saya dan seluruh rakyat Melaka meletakkan harapan tinggi kepada anda semua untuk membawa pulang sebanyak mungkin kejayaan atau pingat yang dipertandingkan. Insya-Allah, **'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'**. Maka bersama azam tersebut, para atlet, jurulatih dan pegawai yang berada dalam kontinjen negeri haruslah menjadikan harapan ini sebagai pemangkin keyakinan untuk berjaya.

6. Justeru, setiap atlet Melaka mesti mencuba sedaya upaya dan tidak mudah mengalah. Gunakanlah sebaik mungkin peluang ini untuk bersaing dan membuktikan bahawa atlet Melaka juga hebat setanding dengan atlet-atlet dari negeri lain.

7. Betapa tidak, saya dan semua rakyat Melaka amat berbangga apabila baru-baru ini, anak Melaka kita iaitu pasangan beregu dalam sukan badminton, saudara Aaron Chia dan Soh Wooi Yik muncul juara pada Kejohanan Badminton Dunia 2022 di Tokyo,

Jepun. Marilah kita beri tepukan gemuruh untuk mereka!

8. Saya berharap kejuaraan yang diraih oleh atlet kebanggaan kita itu dapat menjadi pemangkin semangat kepada saudara dan saudari yang akan bertanding di SUKMA 2022 nanti.

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Saya difahamkan, seramai **613 orang** peserta terdiri daripada pegawai, jurulatih dan atlet menyertai Temasya SUKMA kali ini dan sebanyak **31 jenis** sukan yang akan dipertandingkan pada edisi ke-20 kali ini.

10. Saya menaruh harapan yang tinggi agar pengurus dan jurulatih memainkan peranan yang penting di dalam memastikan atlet Melaka mempunyai jati diri, semangat setia kawan dan semangat berpasukan untuk memastikan kontinjen Negeri Melaka berjaya dengan cemerlang.

11. Akhir kata, sukacita saya mengumumkan YB Tuan VP Shanmugam V. Pitchay, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan sebagai **“Chef De Mission”** Kontinjen Negeri Melaka di Temasya SUKMA Ke-20, MSN 2022.
12. Saya mendoakan semoga semangat Hang Tuah dan rakan-rakan terus mengalir dalam jiwa anak jati Melaka dan selamat maju jaya.

Sekian.

Wabilahitaufiq walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

-TAMAT-